

1. NILAI KOMPAUN BERDASARKAN MAGNITUD KESALAHAN

1.1 Kategori 1

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
1.	<p>Subseksyen 10(2)</p> <p>Pengamal perubatan tidak memberikan notis dalam borang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Borang Notis) 1993 tentang wujudnya penyakit berjangkit.</p> <p>(Kesalahan ini tidak mendapat izin kompaun bertulis secara pukal daripada Jabatan Peguam Negara. Kertas siasatan perlu dibuka dan dirujuk ke TPR)</p>	<p>Kesalahan yang serius kerana pesakit yang tidak dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah tidak dapat diambil tindakan pengawalan dan pencegahan yang membawa kepada risiko penularan jangkitan dalam komuniti yang tinggi</p>	RM5,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
2.	<p>Subseksyen 11(5)</p> <p>Enggan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3).</p>	<p>Kegagalan mematuhi arahan Pegawai Diberi Kuasa dalam mengawal jangkitan boleh menyebabkan penularan jangkitan kepada komuniti</p>	RM5,000	RM25,000

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
3.	Perenggan 22(b) Keengganan seseorang yang dijangkiti atau seseorang yang pegawai diberi kuasa percaya telah dijangkiti untuk mematuhi apa-apa arahan, perintah atau kehendak yang diberikan di bawah seksyen 14 untuk menyebabkan pemindahan atau penahanan orang yang dijangkiti atau dipercayai telah dijangkiti itu.	Kesalahan yang serius kerana pesakit yang diarahkan menjalani pengasingan dan sebaliknya bergerak bebas menyebabkan risiko penularan jangkitan dalam komuniti yang tinggi	RM5,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
4.	Aktiviti dalam pub dan kelab malam termasuklah perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam; atau	Risiko penularan jangkitan adalah tinggi kerana aktiviti-aktiviti yang berisiko dan dalam tempat yang tertutup	RM5,000	RM25,000
5.	Tidak mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan <ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan rentas daerah; - Pergerakan rentas negeri; - Pergerakan yang bertentangan dengan peraturan 4 dan 5 di bawah P.U. (A) 96/2021, P.U. (A) 97/2021 dan P.U. (A) 98/2021; atau - Pergerakan kerana sebab khas atau tertentu tanpa kebenaran pihak polis atau dokumen kebenaran pergerakan 	Kegagalan mematuhi arahan pihak berkuasa sedia ada dan membawa risiko penularan jangkitan kepada komuniti (Contoh Kluster Import B yang berlaku di Kelantan)	RM5,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
6	Kehendak bagi majikan untuk menyebabkan pekerja asingnya menjalani ujian pengesanan Penyakit COVID-19	Kegagalan majikan memberikan kerjasama kepada Pegawai Diberi Kuasa dalam menjalani pemeriksaan kesihatan boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti	RM5,000	RM25,000
7.	Aktiviti Yang Dilarang Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri;	Kesalahan yang serius kerana boleh mendatangkan risiko penularan yang tinggi COVID-19	RM5,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan

1.2 Kategori 2

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
1.	Pergerakan masuk dan keluar ke tempat yang tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat	Peluang masuk ke kawasan PKPD adalah kecil kerana ia dikawal ketat namun jika berlaku ianya mendedahkan individu kepada risiko jangkitan	RM3,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
2.	Perenggan 22(b) Enggan mematuhi apa-apa perintah pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 15 .	Kesalahan oleh individu dan perbadanan yang disyaki dijangkiti dan belum disahkan positif COVID-19 menyebabkan risiko yang rendah kepada penularan jangkitan dalam komuniti	RM4,000	RM20,000
3.	Perenggan 22(c) Enggan memberi maklumat yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Borang Notis) 1993. Kesalahan ini tidak mendapat izin kompaun bertulis secara pukal daripada Jabatan Peguam Negara. Kertas siasatan perlu dibuka dan dirujuk ke TPR)	Kegagalan individu dan perbadanan memberikan maklumat kepada Pegawai Diberi Kuasa menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti	RM4,000	RM20,000

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
4	Apa-apa aktiviti dengan kehadiran yang ramai di suatu tempat sehingga menyukarkan untuk melaksanakan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah	Risiko penularan jangkitan adalah tinggi kerana aktiviti-aktiviti yang berisiko dan sukar dikawal	RM4,000	RM20,000
5.	<p>Perenggan 22(d)</p> <p>Memberi maklumat palsu di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Borang Notis) 1993.</p> <p>Kesalahan ini tidak mendapat izin kompaun bertulis secara pukal daripada Jabatan Peguam Negara. Kertas siasatan perlu dibuka dan dirujuk ke TPR)</p>	Individu atau perbadanan yang memberi maklumat palsu kepada Pegawai Diberi Kuasa akan menyukarkan tindakan kawalan dan pencegahan diambil serta boleh mendatangkan potensi penularan jangkitan dalam komuniti	RM4,000	RM20,000

1.3 Kategori 3

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
1.	Pelanggan, pekerja dan pembekal gagal memakai pelitup muka	Kesalahan oleh individu yang tidak ditentukan status jangkitan dan risiko tidak diketahui	RM1,500	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
2.	Individu gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi mysejahtera atau buku pendaftaran	Kesalahan oleh individu yang tidak ditentukan status jangkitan dan risiko tidak diketahui	RM1,500	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
3.	Individu gagal membuat imbasan suhu badan	Kesalahan oleh individu yang tidak ditentukan status jangkitan dan risiko tidak diketahui	RM1,500	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan
4.	Individu gagal memastikan penjarakan fizikal	Kesalahan oleh individu yang tidak ditentukan status jangkitan dan risiko tidak diketahui	RM1,500	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
5.	Pemegang lesen dan pemilik premis gagal mematuhi waktu operasi premis (mengikut waktu operasi dalam syarat lesen bagi Kawasan PKPP)	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
6.	Pemegang lesen dan pemilik premis gagal mematuhi waktu operasi premis (mengikut waktu operasi bagi Kawasan PKPB bermula 6 pagi sehingga 12 tengah malam)	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
7.	Pemegang lesen dan pemilik premis gagal menyediakan <i>hand sanitizer</i>	Penyediaan <i>hand sanitizer</i> kepada pelanggan dapat mengurangkan risiko transmisi	RM2,000	RM10,000
8.	Pemilik premis gagal melaksanakan penjarakan fizikal	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
9.	Pemilik premis gagal menyediakan laluan keluar masuk ke dalam premis dengan penjarakan 1 meter	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
10.	Pemilik premis gagal menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan 1 meter radius dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksima pelanggan	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
11.	Pemilik premis gagal menyediakan kemudahan QR Code mysejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan	Penyediaan kemudahan kepada pelanggan dapat mengurangkan risiko transmisi	RM2,000	RM10,000
12.	Pemilik premis gagal menyediakan peralatan saringan suhu atau menyediakan peralatan saringan suhu yang tidak berfungsi	Penyediaan kemudahan kepada pelanggan dapat mengurangkan risiko transmisi	RM2,000	RM10,000

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
13.	Pemilik premis gagal mematuhi waktu operasi premis	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
14.	Penganjuran kejohanan / pertandingan di peringkat negeri/komuniti yang tidak mendapat kebenaran KBS	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
15.	Penganjuran kejohanan / pertandingan di peringkat negeri/komuniti dengan kebenaran KBS namun dihadiri penonton / penyokong	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
16.	Gagal memastikan jumlah penumpang dalam kenderaan persendirian mengikut kapasiti kenderaan	Kesalahan oleh individu yang tidak ditentusahkan status jangkitan, berada di tempat yang tertutup/sempit dan kemungkinan terdapat risiko dijangkiti	RM2,000	Tiada kesalahan melibatkan perbadanan

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
17.	Gagal memastikan Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, LRT/MRT/ERL/ monorel, feri, kapal terbang, teksi/ e-hailing dan lain-lain beroperasi mengikut waktu syarat lesen dan kapasiti kenderaan	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan penumpang	RM2,000	RM10,000
18.	Gagal mematuhi masa bagi aktiviti perkhidmatan penghantaran makanan yang dibenarkan bermula 6 pagi sehingga 12 tengah malam	Kesalahan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
19.	Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks gagal memastikan hanya pelanggan dengan status "Low Risk" dalam mysejahtera, sahaja yang dibenarkan masuk ke kompleks / premis masing-masing	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
20.	Majikan gagal memastikan kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam berdasarkan kepada Pekeliling/ Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala bagi sektor swasta berdasarkan kepada 30% bagi Kumpulan Pengurusan dan jumlah pekerja operasi/sokongan ditetapkan oleh majikan (bagi kawasan PKPB)	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000

Bil	Kesalahan	Justifikasi	Nilai Kompaun Ditawarkan	
			Kesalahan Individu	Kesalahan Perbadanan
21.	Kesalahan-kesalahan lain yang diperuntukkan dalam SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara yang tidak disenaraikan di atas.	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
22.	Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [<i>P.U. (A) 190/2020</i>]	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000
23.	Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020 [<i>P.U. (A) 233/2020</i>]	Kesalahan melibatkan individu dan perbadanan yang tidak dapat ditentukan risiko penularan jangkitan COVID-19	RM2,000	RM10,000